



## **APPLIED HISTORY JOURNAL OF MERONG MAHAWANGSA**

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/ahjmm>

How to cite this article:

Nor Aisyah Ahmad, Hasnah Hussiin & Haslindawati Saari. (2026). Historiografi wanita Melayu pra-kemerdekaan: Satu penilaian terhadap perkembangan penulisan ilmiah. *Applied History Journal of Merong Mahawangsa*, 4, 207-227. <https://doi.org/10.32890/ahjmm2026.4.11>

### **HISTORIOGRAFI WANITA MELAYU PRA-KEMERDEKAAN: SATU PENILAIAN TERHADAP PERKEMBANGAN PENULISAN ILMIAH**

*(Historiography of Pre-Independence Malay Women: An Assessment of the Development of Scholarly Writing)*

**<sup>1</sup>NorAisyah Ahmad, <sup>2</sup>Hasnah Hussiin & <sup>3</sup>Haslindawati Saari**

<sup>1</sup>Unit Pengajian Umum, Pusat Asasi, Bahasa dan Pengajian Umum,  
Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ),  
Pauh Putra Campus, 02600 Arau, Perlis, Malaysia

<sup>2</sup>Pusat Sains Kemanusiaan, Kampus Gambang,  
Universiti Malaysia Pahang Al Sultan Abdullah (UMPSA),  
Lbh Persiaran Tun Khalil Yaakob, Kampung Melayu Gambang,  
26300 Kuantan, Pahang

<sup>3</sup>Jabatan Sejarah, Institut Pendidikan Guru (IPG), 08000 Sungai Petani,  
Kedah, Malaysia

<sup>1</sup> *Corresponding author: [noraisyahahmad@unisiraj.edu.my](mailto:noraisyahahmad@unisiraj.edu.my)*

Received: 01/02/2026

Revised: 10/05/2026

Accepted: 25/07/2026

Published: 31/07/2026

#### **ABSTRAK**

Penulisan sejarah mengenai wanita Melayu pra-kemerdekaan semakin berkembang dalam beberapa dekad kebelakangan ini, namun representasi golongan tersebut masih memperlihatkan kecenderungan yang tidak seimbang. Kebanyakan penulisan memberi tumpuan kepada tokoh wanita yang mempunyai kedudukan dalam politik, pendidikan dan organisasi masyarakat, manakala pengalaman wanita daripada kelompok masyarakat biasa kurang diberikan perhatian. Keadaan ini menunjukkan bahawa pembentukan historiografi wanita Melayu dipengaruhi oleh pemilihan sumber, pendekatan penyelidikan dan tafsiran sejarawan.

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti kecenderungan utama dalam penulisan ilmiah mengenai wanita Melayu pra-kemerdekaan, menilai bentuk representasi wanita dalam historiografi tempatan serta menganalisis corak penulisan sejarah yang mempengaruhi pembentukan naratif mengenai wanita Melayu. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah kajian kepustakaan dengan menganalisis artikel jurnal, buku akademik, bab dalam buku dan tesis yang berkaitan. Data dianalisis menggunakan analisis kandungan berasaskan kerangka historiografi melalui proses pengelasan tema, perbandingan hujah sarjana dan sintesis kritikal. Analisis mendapati bahawa historiografi wanita Melayu pra-kemerdekaan masih memperlihatkan empat kecenderungan utama, iaitu penumpuan kepada tokoh wanita daripada golongan elit, pengabaian pengalaman wanita daripada kelompok masyarakat biasa, kebergantungan kepada sumber kolonial serta perubahan corak penulisan historiografi yang semakin berkembang mengikut tema penyelidikan. Walau bagaimanapun, perubahan tersebut masih belum menghasilkan gambaran yang benar-benar menyeluruh mengenai pengalaman wanita Melayu sebelum kemerdekaan. Kajian ini menyumbang kepada perkembangan historiografi Malaysia dengan menyediakan satu penilaian kritikal terhadap corak penulisan sejarah wanita Melayu serta mencadangkan penggunaan sumber yang lebih pelbagai bagi menghasilkan historiografi yang lebih seimbang.

**Kata kunci:** Historiografi, wanita Melayu, pra-kemerdekaan, penulisan sejarah, representasi wanita.

#### **ABSTRACT**

*The historiography of pre-independence Malay women has expanded considerably over the past few decades. Nevertheless, the representation of Malay women in historical scholarship remains uneven. Existing studies predominantly focus on prominent women who occupied significant roles in politics, education, and social organisations, while the experiences of ordinary women have received comparatively little scholarly attention. This pattern suggests that the historiography of Malay women has been shaped by the selection of historical sources, research approaches, and historians' interpretations. Accordingly, this study aims to identify the major trends in scholarly writing on pre-independence Malay women, examine their representation in Malaysian historiography, and analyse the patterns of historical writing that have influenced the construction of historical narratives concerning Malay women. The study adopts a qualitative approach based on library research by examining journal articles, academic books, book chapters, and relevant theses. Data were analysed using content analysis within a historiographical framework through thematic classification, comparison of scholarly arguments, and critical synthesis. The findings reveal four dominant historiographical patterns: a concentration on elite female figures, the marginalisation of ordinary women's experiences, a heavy reliance on colonial sources, and the evolution of historiographical writing in line with emerging research themes. Despite these developments, the changing scope of research has yet to produce a comprehensive representation of the experiences of Malay women in the pre-independence period. This study contributes to Malaysian historiography by providing a critical assessment of the patterns of historical writing on Malay women and by advocating the broader use of diverse historical sources to produce a more balanced and comprehensive historiography.*

**Keywords:** Communism, Kedah, Sik, Baling, Federation of Malaya, Malaysia

## **PENGENALAN**

Ideologi sejarah bukan sekadar himpunan fakta tentang peristiwa lampau, tetapi merupakan satu tafsiran terhadap sumber sejarah yang dipilih dan dinilai oleh sejarawan. Oleh sebab itu, historiografi memainkan peranan penting dalam membentuk cara sesuatu peristiwa, tokoh dan kelompok masyarakat direkodkan dalam penulisan sejarah (Carr, 1961; Tosh, 2015). Dalam konteks sejarah Malaysia, penulisan sejarah sebelum dan selepas kemerdekaan lebih banyak memberi tumpuan kepada perkembangan politik, pentadbiran, pemerintahan dan perjuangan tokoh lelaki. Pendekatan ini menyebabkan pengalaman masyarakat biasa, khususnya wanita Melayu, kurang diberikan perhatian secara menyeluruh dalam penulisan sejarah (Andaya, 2000; Musa, 2008). Walaupun wanita terlibat dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, ekonomi, kebudayaan, kebajikan dan perjuangan kemerdekaan, sumbangan mereka sering dipaparkan sebagai pelengkap kepada peranan lelaki, bukannya sebagai aktor utama yang turut mempengaruhi perkembangan masyarakat.

Perkembangan kajian sejarah wanita di Malaysia sejak beberapa dekad yang lalu telah membuka ruang kepada pemahaman yang lebih luas tentang kedudukan wanita Melayu sebelum kemerdekaan. Kajian oleh Abdullah (2001), Hasnah Hussiin (2009), Idris (2016), Mohamad (2018), Nor (2020) dan Latif et al. (2024) membuktikan bahawa wanita Melayu memainkan peranan penting dalam pembangunan masyarakat melalui penglibatan dalam bidang pendidikan, politik, ekonomi dan organisasi sosial. Walau bagaimanapun, penelitian terhadap kajian-kajian tersebut menunjukkan bahawa fokus penyelidikan masih banyak diberikan kepada tokoh wanita yang mempunyai kedudukan tertentu dalam masyarakat seperti pemimpin politik, guru, penulis atau aktivis. Sebaliknya, pengalaman wanita daripada kelompok masyarakat biasa seperti petani, peniaga kecil, pengusaha kraf, bidan, suri rumah dan pekerja kampung masih kurang mendapat perhatian dalam penulisan ilmiah. Selain itu, terdapat perbezaan pendekatan antara para sarjana dalam menafsirkan peranan wanita Melayu sebelum kemerdekaan. Sebahagian sarjana menekankan sumbangan wanita dalam gerakan nasionalisme dan pembangunan masyarakat (Abdullah, 2001; Aljunied, 2013), manakala sebahagian yang lain memberi perhatian kepada pengaruh dasar kolonial, pendidikan dan perubahan sosial terhadap kedudukan wanita (Manderson, 1980; O'Brien, 1980; Hasnah Hussiin, 2011).

Perbezaan ini menunjukkan bahawa isu utama bukan lagi berkaitan sama ada wanita terlibat atau tidak dalam sejarah, tetapi bagaimana pengalaman mereka dipilih, ditafsirkan dan dipersembahkan dalam penulisan sejarah. Justeru, penelitian terhadap historiografi menjadi penting bagi memahami corak pembinaan naratif sejarah wanita Melayu. Walaupun bilangan kajian mengenai wanita Melayu semakin bertambah, kebanyakannya masih menumpukan kepada bidang tertentu seperti pendidikan, politik, ekonomi atau sastera secara berasingan. Kajian yang menilai perkembangan penulisan tersebut daripada perspektif historiografi masih terhad. Lebih penting lagi, kebanyakan sorotan literatur terdahulu lebih bersifat deskriptif dengan menghuraikan dapatan kajian seorang demi seorang tanpa membuat perbandingan hujah, mengenal pasti persamaan dan perbezaan pandangan, atau menjelaskan kecenderungan yang membentuk penulisan sejarah wanita Melayu. Keadaan ini menyebabkan masih wujud jurang dalam memahami bagaimana sejarah wanita Melayu dibentuk serta faktor yang mempengaruhi cara wanita direpresentasikan dalam penulisan sejarah. Berdasarkan jurang penyelidikan tersebut, artikel ini menilai perkembangan penulisan ilmiah mengenai wanita Melayu pra-kemerdekaan melalui perspektif historiografi dengan mengenal pasti kecenderungan utama penulisan, bentuk representasi wanita serta corak pembinaan naratif sejarah dalam kajian-kajian terdahulu.

## PERMASALAHAN KAJIAN

Perkembangan penyelidikan mengenai wanita Melayu telah memperlihatkan peningkatan yang ketara sejak beberapa dekad kebelakangan ini. Pelbagai kajian telah membincangkan penglibatan wanita dalam bidang politik, pendidikan, ekonomi, kebudayaan dan gerakan nasionalisme sebelum kemerdekaan (Abdullah, 2001; Hasnah Hussiin, 2009; Idris, 2016; Mohamad, 2018; Nor, 2020). Perkembangan ini menunjukkan bahawa wanita Melayu bukanlah kelompok yang pasif, malah turut memainkan peranan penting dalam pembangunan masyarakat dan negara. Walau bagaimanapun, penelitian terhadap penulisan ilmiah sedia ada menunjukkan bahawa kebanyakan kajian lebih memberi tumpuan kepada aspek sejarah wanita berbanding menilai bagaimana sejarah tersebut ditulis. Dengan kata lain, penyelidikan terdahulu lebih banyak membincangkan sumbangan wanita, tetapi kurang meneliti kecenderungan historiografi yang membentuk gambaran tentang wanita Melayu dalam penulisan sejarah. Keadaan ini menyebabkan masih belum jelas bagaimana pemilihan sumber, pendekatan penulisan dan tafsiran sejarawan mempengaruhi representasi wanita dalam historiografi Malaysia.

Selain itu, terdapat kecenderungan yang konsisten dalam penulisan sejarah wanita Melayu sebelum kemerdekaan. Sebahagian besar kajian memberi perhatian kepada tokoh wanita yang mempunyai kedudukan dalam politik, pendidikan atau organisasi tertentu seperti Shamsiah Fakeh, Ibu Zain, Aishah Ghani dan Khatijah Sidek. Walaupun tokoh-tokoh tersebut sememangnya memberikan sumbangan besar kepada masyarakat, penumpuan yang berlebihan kepada golongan ini menyebabkan pengalaman wanita daripada kelompok masyarakat biasa kurang diberi perhatian. Peranan petani, peniaga kecil, bidan, guru kampung, penenun, pengusaha kraf serta wanita yang menyokong kehidupan keluarga dan komuniti masih kurang diketengahkan dalam penulisan sejarah. Keadaan ini menghasilkan gambaran yang tidak menyeluruh tentang pengalaman wanita Melayu sebelum kemerdekaan.

Di samping itu, terdapat perbezaan pandangan dalam kalangan sarjana mengenai faktor yang membentuk kedudukan wanita Melayu. Sebahagian penyelidik menegaskan bahawa wanita mempunyai ruang yang luas untuk terlibat dalam pembangunan masyarakat melalui pendidikan, ekonomi dan politik (Aljunied, 2013; Latif et al., 2024), manakala sebahagian yang lain berpendapat bahawa dasar kolonial dan struktur sosial telah menghadkan peluang tersebut (Manderson, 1980; O'Brien, 1980). Walaupun kedua-dua pandangan ini memberikan penjelasan yang berbeza, kebanyakannya masih menumpukan kepada pengalaman wanita tanpa menilai bagaimana perbezaan tafsiran tersebut mempengaruhi pembentukan historiografi wanita Melayu. Satu lagi kelemahan yang dikenal pasti ialah kebanyakan sorotan literatur terdahulu disusun secara deskriptif. Kajian-kajian tersebut lazimnya menghuraikan dapatan setiap penulis secara berasingan tanpa membuat perbandingan hujah, mengenal pasti persamaan dan perbezaan pandangan atau menjelaskan kecenderungan utama dalam penulisan sejarah wanita Melayu. Akibatnya, sorotan literatur lebih menyerupai himpunan ringkasan kajian berbanding satu analisis historiografi yang dapat menjelaskan perkembangan sesuatu bidang penyelidikan. Walaupun penyelidikan mengenai wanita Melayu semakin berkembang, penelitian terhadap historiografi wanita masih terhad. Kebanyakan kajian lebih memberi perhatian kepada sumbangan wanita dalam bidang tertentu berbanding menilai bagaimana sejarah wanita ditulis, sumber yang digunakan dan kecenderungan yang membentuk naratif tersebut. Kekurangan ini menunjukkan perlunya satu analisis historiografi yang dapat menjelaskan perkembangan penulisan sejarah wanita Melayu secara lebih kritikal dan menyeluruh.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif berikut:

1. Mengenal pasti kecenderungan utama dalam penulisan ilmiah mengenai wanita Melayu pra-kemerdekaan.
2. Menilai bentuk representasi wanita Melayu dalam historiografi tempatan.
3. Menganalisis pola utama historiografi yang membentuk penulisan sejarah wanita Melayu pra-kemerdekaan.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang berasaskan kaedah kajian kepustakaan. Pendekatan ini dipilih kerana objektif kajian adalah untuk menilai perkembangan penulisan ilmiah mengenai wanita Melayu pra-kemerdekaan melalui perspektif historiografi, bukannya mengumpulkan data lapangan atau menjalankan temu bual. Kajian kepustakaan membolehkan penyelidik meneliti secara sistematik perkembangan penulisan sejarah, mengenal pasti kecenderungan kajian dan membandingkan pandangan yang dikemukakan oleh para sarjana. Sumber kajian terdiri daripada bahan sekunder yang merangkumi artikel jurnal, buku akademik, bab dalam buku, tesis sarjana dan kedoktoran yang membincangkan wanita Melayu sebelum tahun 1957. Pemilihan bahan dibuat secara bertujuan (*purposive sampling*) berdasarkan tiga kriteria utama. Pertama, bahan tersebut membincangkan secara langsung wanita Melayu dalam tempoh pra-kemerdekaan. Kedua, bahan diterbitkan oleh penerbit akademik, jurnal ilmiah atau institusi pengajian tinggi yang mempunyai kredibiliti. Ketiga, bahan mengandungi perbincangan yang berkaitan dengan politik, pendidikan, ekonomi, budaya, media atau historiografi wanita Melayu. Bahan yang hanya menyentuh wanita secara umum tanpa mengaitkannya dengan konteks sejarah Melayu sebelum kemerdekaan tidak dimasukkan dalam analisis. Begitu juga sumber popular yang tidak melalui proses semakan akademik tidak dijadikan sumber utama dalam kajian ini.

Analisis data dijalankan menggunakan analisis kandungan dengan memberi tumpuan kepada tema, hujah dan kecenderungan yang terdapat dalam setiap penulisan. Setiap sumber dibaca secara berulang bagi mengenal pasti fokus kajian, jenis sumber yang digunakan, pendekatan penulisan serta bentuk representasi wanita yang diketengahkan oleh penulis. Seterusnya, dapatan daripada setiap kajian dibandingkan bagi mengenal pasti persamaan, perbezaan dan percanggahan pandangan antara para sarjana. Proses ini membolehkan penyelidik menghasilkan sintesis yang lebih kritikal berbanding sekadar menghimpunkan dapatan kajian terdahulu. Hasil analisis kemudiannya dikelaskan kepada beberapa tema utama yang menjadi asas kepada dapatan kajian. Proses analisis data dilaksanakan secara sistematik dalam empat peringkat. Peringkat pertama melibatkan proses mengenal pasti dan memilih bahan yang memenuhi kriteria kajian berdasarkan tema, tempoh masa dan kesesuaiannya dengan objektif penyelidikan. Peringkat kedua ialah pembacaan secara menyeluruh terhadap setiap sumber bagi mengenal pasti fokus kajian, pendekatan penyelidikan, jenis sumber yang digunakan dan bentuk representasi wanita Melayu yang dibincangkan. Peringkat ketiga melibatkan proses pengelasan data mengikut tema utama sebelum perbandingan dibuat terhadap hujah, pendekatan dan kecenderungan penulisan yang dikemukakan oleh para sarjana. Peringkat terakhir ialah sintesis analisis bagi mengenal pasti pola utama historiografi wanita Melayu pra-kemerdekaan yang menjadi asas kepada dapatan dan perbincangan kajian. Prosedur ini membolehkan dapatan dibina berdasarkan analisis keseluruhan literatur, bukannya sekadar menghimpunkan atau meringkaskan kajian-kajian terdahulu.

Kajian ini menggunakan historiografi sebagai kerangka analisis utama. Dalam kajian sejarah, historiografi merujuk kepada kajian tentang bagaimana sejarah ditulis, ditafsirkan dan dibentuk oleh seseorang sejarawan berdasarkan sumber serta pendekatan yang digunakan (Carr, 1961; Tosh, 2015). Oleh itu, fokus utama kajian ini bukan untuk menilai sama ada wanita Melayu memainkan peranan penting atau sebaliknya, tetapi untuk meneliti bagaimana pengalaman mereka direpresentasikan dalam penulisan sejarah. Melalui kerangka ini, analisis memberi perhatian kepada beberapa aspek, iaitu kecenderungan pemilihan tokoh yang dibincangkan, kelompok wanita yang diberi perhatian atau diabaikan, jenis sumber yang digunakan oleh penulis, tema utama yang mendominasi penulisan sejarah dan corak representasi wanita dalam historiografi wanita Melayu pra-kemerdekaan. Pendekatan ini membolehkan kajian mengenal pasti pola penulisan sejarah yang membentuk pemahaman masyarakat terhadap kedudukan wanita Melayu sebelum kemerdekaan.

## **SOROTAN LITERATUR**

### **Penulisan Historiografi Politik dan Nasionalisme Wanita Melayu**

Kajian mengenai wanita Melayu dalam bidang politik dan nasionalisme merupakan antara tema yang paling dominan dalam historiografi wanita di Malaysia. Kebanyakan penyelidikan memberi perhatian kepada penglibatan wanita dalam gerakan kebangsaan, pertubuhan politik serta perjuangan menentang penjajahan British. Walaupun pendekatan yang digunakan oleh para sarjana berbeza, sebahagian besar kajian bersetuju bahawa wanita Melayu bukan sekadar penyokong kepada perjuangan lelaki, sebaliknya turut memainkan peranan sebagai pemimpin, penggerak organisasi dan penyebar kesedaran politik (Abdullah, 2001; Aljunied, 2013; Mohamad, 2018). Sebahagian besar kajian mengenai politik wanita Melayu memperlihatkan persamaan dari segi pengiktirafan terhadap sumbangan wanita dalam gerakan nasionalisme. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan yang jelas dari segi fokus penyelidikan.

Sebahagian sarjana menumpukan kepada pengalaman tokoh tertentu, manakala sebahagian yang lain menilai bagaimana wanita direpresentasikan dalam penulisan sejarah. Perbezaan ini menunjukkan bahawa perkembangan historiografi wanita Melayu bukan sahaja dipengaruhi oleh sumber yang digunakan, tetapi juga oleh pendekatan penyelidikan yang dipilih oleh setiap sarjana (Abdullah, 2001; Aljunied, 2013; Mohamad, 2018). Abdullah (2001) melalui memoir Shamsiah Fakeh memperlihatkan pengalaman seorang tokoh wanita yang terlibat secara langsung dalam perjuangan kemerdekaan melalui Angkatan Wanita Sedar (AWAS) dan Parti Komunis Malaya (PKM). Penulisan ini membuka ruang kepada pemahaman bahawa wanita turut terlibat dalam gerakan politik radikal yang sebelum ini lebih banyak dikaitkan dengan tokoh lelaki. Pandangan ini disokong oleh Aljunied (2013) yang menegaskan bahawa wanita Melayu berupaya mencabar bukan sahaja penjajahan British, malah struktur masyarakat yang mengehadkan penyertaan mereka dalam ruang politik. Menurut beliau, wanita bukan sekadar pengikut kepada gerakan nasionalisme, tetapi merupakan sebahagian daripada agen perubahan yang membentuk perkembangan politik Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, Mohamad (2018) melihat isu tersebut daripada sudut yang berbeza. Beliau berpendapat bahawa masalah utama bukan terletak pada kekurangan penyertaan wanita dalam politik, tetapi pada corak penulisan sejarah yang lebih menonjolkan pengalaman tokoh lelaki. Akibatnya, penglibatan wanita sering dianggap sebagai pelengkap kepada perjuangan nasionalisme dan bukannya sebahagian daripada naratif utama sejarah politik negara. Pemerhatian ini turut diperkukuhkan oleh Zakuan (2013) yang mendapati sejarah politik wanita di Malaysia masih banyak memberi perhatian kepada tokoh yang berjaya mencapai kedudukan tinggi dalam organisasi politik, manakala penyertaan wanita daripada kelompok masyarakat biasa kurang diberikan perhatian.

Walaupun semua sarjana tersebut mengakui bahawa wanita Melayu memainkan peranan penting dalam perkembangan politik sebelum kemerdekaan, terdapat perbezaan yang jelas dari segi fokus penyelidikan. Abdullah (2001) dan Aljunied (2013) lebih menumpukan kepada pengalaman tokoh tertentu yang mempunyai pengaruh dalam gerakan nasionalisme, manakala Mohamad (2018) menilai kelemahan tersebut daripada sudut historiografi dengan mengkritik cara penulisan sejarah yang masih berpusat kepada tokoh lelaki. Perbezaan ini menunjukkan bahawa perkembangan kajian wanita Melayu bukan sahaja dipengaruhi oleh sumber yang digunakan, malah bergantung kepada pendekatan yang dipilih oleh setiap penyelidik. Daripada perspektif historiografi, kecenderungan memberi tumpuan kepada tokoh politik yang terkenal telah menghasilkan gambaran bahawa sejarah wanita Melayu sebelum kemerdekaan hanya diwakili oleh beberapa individu tertentu. Pengalaman wanita daripada kelompok masyarakat biasa seperti ahli pertubuhan tempatan, sukarelawan, penyokong gerakan kebangsaan dan wanita yang membantu perjuangan di peringkat komuniti kurang diberikan perhatian. Keadaan ini menyebabkan gambaran tentang penyertaan politik wanita menjadi tidak menyeluruh kerana hanya pengalaman golongan tertentu direkodkan secara meluas dalam penulisan sejarah.

Berdasarkan analisis terhadap kajian-kajian tersebut, dapat diperhatikan bahawa historiografi politik wanita Melayu masih banyak memberi perhatian kepada tokoh yang mempunyai kedudukan dalam gerakan nasionalisme dan organisasi politik. Walaupun pendekatan ini berjaya mengetengahkan sumbangan beberapa tokoh penting, ia menyebabkan pengalaman wanita daripada kelompok masyarakat biasa kurang direkodkan dalam penulisan sejarah. Keadaan ini menunjukkan bahawa historiografi politik wanita Melayu masih dipengaruhi oleh kecenderungan memilih tokoh tertentu sebagai fokus utama kajian, sekali gus memperlihatkan keperluan untuk memperluaskan penelitian terhadap bentuk penyertaan politik wanita di peringkat masyarakat dan komuniti. Selain penglibatan dalam bidang politik dan nasionalisme, pendidikan turut menjadi tema penting dalam perkembangan historiografi wanita Melayu. Hal ini kerana pendidikan sering dikaitkan dengan perubahan kedudukan sosial wanita serta menjadi asas kepada penyertaan mereka dalam pelbagai bidang kehidupan sebelum kemerdekaan.

### **Historiografi Pendidikan Wanita Melayu**

Kajian mengenai pendidikan wanita Melayu menunjukkan persamaan bahawa pendidikan merupakan faktor penting dalam perubahan kedudukan wanita dalam masyarakat. Walau bagaimanapun, para sarjana berbeza pandangan tentang faktor yang mendorong perubahan tersebut. Sebahagian menekankan peranan dasar pendidikan kolonial, manakala sebahagian lagi memberi perhatian kepada usaha masyarakat Melayu, institusi tempatan dan golongan intelektual dalam memperluaskan peluang pendidikan kepada wanita. Perbezaan ini menunjukkan bahawa perkembangan historiografi pendidikan wanita Melayu dipengaruhi oleh pendekatan penyelidikan, sumber yang digunakan serta tafsiran yang diberikan oleh setiap sarjana. Oleh sebab itu, pendidikan menjadi antara tema yang paling banyak dibincangkan dalam penulisan mengenai wanita Melayu pra-kemerdekaan kerana bidang ini sering dikaitkan dengan perubahan sosial, peningkatan taraf hidup dan penyertaan wanita dalam pembangunan masyarakat. Pendidikan merupakan antara tema yang paling banyak dibincangkan dalam penulisan mengenai wanita Melayu pra-kemerdekaan.

Hampir semua sarjana bersetuju bahawa pendidikan menjadi pemangkin kepada perubahan kedudukan wanita dalam masyarakat Melayu. Namun demikian, tafsiran mengenai peranan pendidikan serta faktor yang mempengaruhi perkembangannya berbeza antara seorang sarjana dengan sarjana yang lain. Perbezaan ini memperlihatkan bahawa historiografi pendidikan wanita Melayu berkembang mengikut pendekatan penyelidikan dan sumber yang digunakan oleh setiap pengkaji. Sebahagian sarjana menegaskan bahawa perkembangan pendidikan telah membuka ruang kepada wanita Melayu untuk meningkatkan taraf hidup serta melibatkan diri dalam kehidupan sosial dan politik. Kajian oleh Hasnah Hussiin (2011) menunjukkan

bahawa golongan intelektual Melayu pada tahun 1920-an hingga 1940-an menjadikan pendidikan sebagai asas kepada usaha memajukan wanita. Melalui akhbar dan majalah Melayu, pendidikan Inggeris dan pendidikan agama dianggap penting bagi membolehkan wanita bersaing dengan kaum lelaki serta menghadapi perubahan masyarakat pada zaman penjajahan.

Pandangan ini selari dengan kajian Nor (2020) yang melihat pendidikan sebagai faktor utama yang membolehkan wanita Melayu melibatkan diri dalam bidang ekonomi, pendidikan dan organisasi masyarakat. Kedua-dua kajian tersebut menggambarkan bahawa pendidikan bukan sekadar proses memperoleh ilmu, tetapi menjadi medium yang mengubah kedudukan sosial wanita Melayu. Walau bagaimanapun, Idris (2016) memberikan tafsiran yang lebih menyeluruh dengan meneliti perkembangan pendidikan wanita Melayu di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu antara tahun 1896 hingga 1941. Berbeza dengan Hasnah Hussiin (2011) yang memberi tumpuan kepada peranan golongan intelektual Melayu, Idris (2016) menilai perkembangan pendidikan melalui dasar pentadbiran British, peranan Raja-raja Melayu, pegawai Melayu dan gerakan reformis Islam. Beliau berpendapat bahawa kemajuan pendidikan wanita bukan hasil dasar kolonial semata-mata, tetapi turut dipengaruhi oleh usaha masyarakat Melayu sendiri. Dapatan ini memperlihatkan bahawa perubahan pendidikan berlaku hasil interaksi antara dasar kolonial dengan usaha tempatan, bukannya berpunca daripada satu faktor sahaja.

Pandangan tersebut turut disokong oleh Latif, Musa dan Khairuddin (2024) yang mengkaji perkembangan pendidikan wanita melalui institusi tempatan seperti Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK). Kajian mereka membuktikan bahawa institusi tempatan memainkan peranan penting dalam memperluaskan peluang pendidikan kepada wanita Melayu. Hal ini menunjukkan bahawa perkembangan pendidikan wanita tidak hanya bergantung kepada pentadbiran kolonial, malah turut dipengaruhi oleh institusi agama dan masyarakat tempatan yang berusaha meningkatkan taraf pendidikan wanita. Namun begitu, O'Brien (1980) memberikan perspektif yang agak berbeza. Beliau menjelaskan bahawa dasar kolonial British terhadap pendidikan wanita memperlihatkan pendekatan yang tidak konsisten. Di satu pihak, kerajaan kolonial membuka sekolah untuk wanita Melayu, tetapi pada masa yang sama peluang pendidikan yang diberikan masih terhad dan lebih menekankan kemahiran rumah tangga berbanding pendidikan akademik. Pendekatan ini menunjukkan bahawa pendidikan wanita pada zaman kolonial bukan bertujuan melahirkan golongan profesional, sebaliknya untuk membentuk wanita yang memenuhi keperluan pentadbiran kolonial dan struktur masyarakat ketika itu. Pandangan ini menjelaskan mengapa peluang pendidikan wanita berkembang secara perlahan walaupun bilangan sekolah semakin bertambah. Walaupun terdapat persamaan bahawa pendidikan menjadi faktor penting dalam perubahan kedudukan wanita Melayu, setiap sarjana memberikan penekanan yang berbeza terhadap faktor yang mendorong perubahan tersebut. Hasnah Hussiin (2011) dan Nor (2020) lebih menonjolkan kesedaran masyarakat Melayu terhadap kepentingan pendidikan, manakala Idris (2016) dan Latif et al. (2024) menegaskan bahawa perubahan tersebut turut dipengaruhi oleh institusi tempatan dan kepimpinan Melayu. Sebaliknya, O'Brien (1980) melihat perkembangan pendidikan dalam kerangka dasar kolonial yang lebih luas. Perbezaan ini menunjukkan bahawa historiografi pendidikan wanita Melayu berkembang daripada pelbagai sudut tafsiran dan tidak boleh dijelaskan melalui satu faktor sahaja.

Daripada sudut historiografi, kebanyakan kajian pendidikan wanita Melayu masih memberi perhatian kepada perkembangan institusi pendidikan, dasar pentadbiran dan tokoh yang memperjuangkan pendidikan wanita. Sebaliknya, pengalaman wanita biasa sebagai pelajar, guru kampung, ibu atau masyarakat desa masih kurang diberikan perhatian. Pengalaman mereka lazimnya hanya digunakan sebagai contoh bagi menjelaskan perubahan dasar pendidikan, sedangkan pengalaman tersebut sebenarnya mampu memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang kesan pendidikan terhadap kehidupan wanita Melayu sebelum kemerdekaan. Keadaan ini menunjukkan bahawa historiografi pendidikan wanita masih cenderung menilai

perubahan dari sudut institusi dan dasar, berbanding pengalaman harian wanita sendiri. Oleh itu, masih terdapat ruang untuk menghasilkan kajian yang meneliti bagaimana pendidikan mengubah kehidupan wanita daripada pelbagai lapisan masyarakat, khususnya mereka yang tidak tergolong dalam kelompok elit atau tokoh terkenal. Pendekatan sedemikian akan membantu membentuk gambaran yang lebih menyeluruh mengenai sejarah pendidikan wanita Melayu sebelum kemerdekaan.

Berdasarkan analisis terhadap kajian-kajian tersebut, dapat diperhatikan bahawa historiografi pendidikan wanita Melayu telah berkembang daripada penumpuan terhadap dasar pendidikan kepada penelitian yang lebih luas mengenai peranan institusi tempatan, masyarakat Melayu dan golongan intelektual. Walaupun perkembangan ini menunjukkan kemajuan dalam penyelidikan, pengalaman wanita sebagai pelajar, guru kampung dan anggota masyarakat masih kurang diberikan perhatian. Keadaan ini menunjukkan bahawa historiografi pendidikan wanita masih banyak menilai perubahan melalui institusi pendidikan berbanding pengalaman harian wanita sendiri. Perubahan yang berlaku melalui pendidikan turut mempengaruhi penyertaan wanita dalam kegiatan ekonomi. Oleh itu, selain menilai pendidikan sebagai pemangkin perubahan sosial, para sarjana juga memberikan perhatian kepada sumbangan wanita dalam pembangunan ekonomi dan kehidupan masyarakat.

### **Historiografi Ekonomi Wanita Melayu**

Historiografi ekonomi wanita Melayu berkembang lebih perlahan berbanding kajian politik dan pendidikan. Walaupun jumlah penyelidikan dalam bidang ini semakin bertambah, kebanyakan kajian masih memberi tumpuan kepada bentuk penyertaan ekonomi yang mempunyai rekod bertulis. Keadaan ini menunjukkan bahawa perkembangan historiografi ekonomi wanita masih dipengaruhi oleh jenis sumber dan pendekatan penyelidikan yang digunakan oleh para sarjana. Tema ekonomi dan pekerjaan merupakan satu lagi bidang penting dalam penulisan mengenai wanita Melayu pra-kemerdekaan. Walaupun jumlah kajian dalam bidang ini tidak sebanyak kajian politik dan pendidikan, penyelidikan yang sedia ada menunjukkan bahawa wanita Melayu memainkan peranan yang jauh lebih besar dalam kegiatan ekonomi daripada gambaran yang sering dipaparkan dalam penulisan sejarah tradisional. Namun demikian, penelitian terhadap kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa terdapat perbezaan tafsiran tentang bentuk penyertaan ekonomi wanita serta faktor yang mempengaruhi kedudukan mereka dalam masyarakat. Fitrio (2019) menegaskan bahawa wanita Melayu terlibat secara aktif dalam kegiatan keusahawanan dan ekonomi tempatan melalui perusahaan kecil, perdagangan dan aktiviti yang menyumbang kepada pendapatan keluarga. Kajian ini menunjukkan bahawa wanita bukan sekadar membantu ekonomi rumah tangga, malah menjadi sebahagian daripada pembangunan ekonomi masyarakat setempat. Walau bagaimanapun, kajian tersebut lebih memberi perhatian kepada aspek keusahawanan tanpa mengaitkannya dengan perkembangan historiografi wanita Melayu.

Sebaliknya, Hirschman (2016) melihat penglibatan ekonomi wanita dalam konteks yang lebih luas dengan menghubungkannya kepada struktur keluarga, pembahagian kerja dan perubahan sosial di Malaysia. Beliau berpendapat bahawa walaupun masyarakat Melayu dipengaruhi oleh sistem patriarki, wanita tetap memainkan peranan penting dalam memastikan kelangsungan ekonomi keluarga. Tafsiran ini menunjukkan bahawa kedudukan wanita tidak boleh dinilai hanya berdasarkan penyertaan mereka dalam pekerjaan formal, tetapi juga melalui sumbangan ekonomi yang berlaku dalam ruang keluarga dan komuniti. Saidun (2021) pula menumpukan perhatian kepada penyertaan wanita Melayu dalam profesion kejururawatan selepas kemerdekaan. Walaupun tempoh kajian beliau sedikit lewat daripada fokus kajian ini, dapatan tersebut tetap penting kerana menunjukkan kesinambungan kesan dasar pendidikan dan pentadbiran kolonial terhadap peluang pekerjaan wanita Melayu. Beliau mendapati bahawa bilangan wanita Melayu dalam bidang kejururawatan masih rendah berikutan faktor budaya, pendidikan dan persepsi masyarakat

terhadap pekerjaan wanita. Kajian ini memperlihatkan bahawa perubahan dalam bidang pekerjaan berlaku secara beransur-ansur dan dipengaruhi oleh pelbagai faktor sejarah. Kajian oleh Gopal dan Musa (2022) pula memberikan dimensi yang berbeza dengan membincangkan pengalaman wanita India di Tanah Melayu. Walaupun fokusnya bukan kepada wanita Melayu, kajian tersebut penting kerana membolehkan perbandingan dibuat terhadap pengalaman wanita daripada latar etnik yang berbeza. Perbandingan ini menunjukkan bahawa faktor migrasi, dasar kolonial dan struktur ekonomi memberi kesan yang berbeza terhadap pengalaman wanita di Tanah Melayu.

Walaupun kajian-kajian tersebut berjaya membuktikan bahawa wanita Melayu memainkan peranan penting dalam kegiatan ekonomi, penelitian terhadap historiografi menunjukkan bahawa bentuk penyertaan ekonomi yang dibincangkan masih tertumpu kepada aktiviti yang mempunyai rekod bertulis seperti pekerjaan formal, perusahaan kecil dan keusahawanan. Sebaliknya, sumbangan wanita dalam ekonomi keluarga, pertanian sara diri, pengurusan sumber isi rumah dan pembangunan komuniti kurang diberikan perhatian. Keadaan ini memperlihatkan bahawa historiografi ekonomi wanita Melayu masih dipengaruhi oleh jenis sumber yang digunakan oleh penyelidik, sekali gus menyebabkan sebahagian pengalaman ekonomi wanita belum dapat direpresentasikan secara menyeluruh dalam penulisan sejarah. Selain itu, kebanyakan penyelidikan masih memberi tumpuan kepada penyertaan ekonomi wanita secara individu, sedangkan hubungan antara kegiatan ekonomi wanita dengan struktur sosial, keluarga dan komuniti masih kurang dibincangkan. Kekurangan ini menunjukkan bahawa masih terdapat ruang untuk memperluaskan historiografi ekonomi wanita Melayu melalui penggunaan sumber yang lebih pelbagai serta pendekatan yang memberi perhatian kepada pengalaman kehidupan seharian wanita.

Secara keseluruhannya, historiografi ekonomi wanita Melayu masih memperlihatkan jurang yang ketara dari segi representasi pengalaman wanita daripada pelbagai lapisan masyarakat. Penyelidikan yang lebih menyeluruh dengan memanfaatkan sumber tempatan, dokumen persendirian dan sejarah lisan berpotensi memperluaskan pemahaman terhadap sumbangan ekonomi wanita Melayu sebelum kemerdekaan. Selain penglibatan dalam bidang ekonomi, pengalaman wanita Melayu turut dapat difahami melalui sumber budaya dan kesusasteraan. Sumber-sumber ini memberikan gambaran tentang nilai, pemikiran dan kehidupan wanita yang tidak selalu direkodkan dalam dokumen pentadbiran atau sumber rasmi.

### **Historiografi Budaya dan Kesusasteraan Wanita Melayu**

Kajian mengenai budaya dan kesusasteraan memperlihatkan bahawa wanita Melayu direpresentasikan melalui pelbagai bentuk sumber seperti karya sastra, manuskrip dan media. Walaupun semua kajian mengiktiraf kepentingan sumber budaya dalam memahami pengalaman wanita, pendekatan yang digunakan oleh para sarjana adalah berbeza. Perbezaan ini menunjukkan bahawa sumber budaya mempunyai potensi yang besar untuk memperkayakan historiografi wanita Melayu, namun penggunaannya dalam penulisan sejarah masih terhad berbanding sumber rasmi. Selain politik, pendidikan dan ekonomi, budaya serta kesusasteraan turut menjadi medan penting dalam memahami kedudukan wanita Melayu sebelum kemerdekaan. Penulisan dalam bidang ini tidak hanya menggambarkan pengalaman wanita, malah memperlihatkan bagaimana masyarakat Melayu membentuk persepsi terhadap peranan dan kedudukan wanita. Walau bagaimanapun, penelitian terhadap kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa representasi wanita dalam budaya dan kesusasteraan masih dipengaruhi oleh sudut pandang penulis serta konteks zaman sesuatu karya dihasilkan. Kajian oleh Ungku Maimunah (1986) merupakan antara penyelidikan terawal yang menilai imej wanita dalam kesusasteraan Melayu moden.

Beliau berpendapat bahawa kebanyakan karya sastra yang dihasilkan oleh penulis lelaki cenderung menggambarkan wanita sebagai isteri, ibu atau anak yang bertanggungjawab terhadap urusan keluarga.

Gambaran tersebut menyebabkan identiti wanita lebih banyak dikaitkan dengan ruang domestik berbanding peranan mereka dalam kehidupan sosial dan masyarakat. Namun demikian, beliau turut menjelaskan bahawa kemunculan penulis wanita telah membuka ruang kepada pembentukan naratif yang lebih pelbagai apabila pengalaman wanita mula ditulis daripada perspektif wanita sendiri. Pandangan tersebut disokong oleh Tan dan Teh (2014) yang meneliti novel *Mariah* menggunakan pendekatan linguistik fungsional sistemik. Kajian mereka menunjukkan bahawa bahasa yang digunakan dalam karya sastera bukan sekadar medium penceritaan, malah berfungsi membentuk hubungan kuasa antara lelaki dan wanita. Dapatan tersebut membuktikan bahawa karya sastera boleh dijadikan sumber penting untuk memahami bagaimana masyarakat melihat kedudukan wanita pada sesuatu zaman. Walaupun pendekatan yang digunakan berbeza daripada kajian sejarah, analisis ini membantu menjelaskan bagaimana representasi wanita dibentuk melalui penulisan.

Sementara itu, Hamed (2002) memberikan perhatian kepada peranan media, khususnya majalah wanita, dalam membentuk identiti wanita Melayu. Beliau menjelaskan bahawa penerbitan majalah wanita bukan sekadar menyampaikan maklumat, tetapi turut menjadi medium untuk membincangkan pendidikan, kesihatan, kekeluargaan dan pembangunan diri wanita. Dalam konteks ini, media berfungsi sebagai ruang yang membolehkan wanita menyuarakan pandangan serta berkongsi pengalaman mereka. Walaupun demikian, kandungan majalah masih memperlihatkan penekanan yang kuat terhadap tanggungjawab wanita dalam keluarga, sekali gus menunjukkan bahawa perubahan peranan wanita berlaku secara beransur-ansur. Kajian mengenai wanita dalam manuskrip Melayu pula memperlihatkan tafsiran yang agak berbeza.

Haryati Hasan (1985) menunjukkan bahawa manuskrip Melayu memuatkan pelbagai kisah yang memperlihatkan wanita sebagai pemerintah, penasihat dan tokoh yang mempunyai pengaruh dalam pemerintahan. Contohnya, pemerintahan raja-raja perempuan di Patani serta tokoh seperti Cik Siti Wan Kembang dan Puteri Saadong membuktikan bahawa wanita turut memainkan peranan dalam pentadbiran negeri. Begitu juga tokoh seperti Tun Kudu dan Tun Fatimah yang dikaitkan dengan kestabilan politik Kesultanan Melayu Melaka. Kajian ini menunjukkan bahawa sumber tradisional sebenarnya memberikan gambaran yang lebih pelbagai mengenai wanita berbanding penulisan sejarah moden yang lebih banyak menumpukan kepada tokoh lelaki.

Cheah (1993) turut menegaskan bahawa wanita istana mempunyai pengaruh yang besar dalam pentadbiran dan politik walaupun peranan tersebut tidak sentiasa direkodkan secara rasmi. Menurut beliau, pengaruh wanita sering dilaksanakan melalui hubungan kekeluargaan, perkahwinan dan kedudukan dalam institusi istana. Tafsiran ini memperlihatkan bahawa kuasa wanita tidak semestinya muncul dalam bentuk jawatan rasmi, tetapi turut wujud melalui pengaruh sosial dan politik yang sukar dikesan dalam sumber rasmi. Walaupun pendekatan yang digunakan oleh para sarjana berbeza, kesemua kajian tersebut menunjukkan bahawa budaya dan kesusasteraan menyediakan sumber alternatif untuk memahami pengalaman wanita Melayu. Namun demikian, kebanyakan kajian masih menumpukan kepada tokoh wanita yang mempunyai kedudukan dalam istana atau muncul dalam karya sastera yang terkenal. Pengalaman wanita daripada kelompok masyarakat biasa masih kurang diberikan perhatian. Selain itu, kajian-kajian tersebut lebih banyak menilai kandungan karya berbanding membincangkan bagaimana karya tersebut mempengaruhi pembentukan historiografi wanita Melayu.

Daripada perspektif historiografi, sumber budaya dan kesusasteraan mempunyai nilai yang penting kerana mampu melengkapkan kekurangan dokumen rasmi dalam menggambarkan pengalaman wanita Melayu. Manuskrip, karya sastera, memoir dan majalah wanita bukan sahaja memperlihatkan cara masyarakat melihat kedudukan wanita, malah memberikan maklumat tentang kehidupan yang sukar ditemui dalam rekod pentadbiran kolonial. Walau bagaimanapun, penggunaannya dalam penulisan sejarah masih agak

terhad. Oleh itu, pemanfaatan sumber budaya secara lebih meluas berpotensi memperkayakan historiografi wanita Melayu dan menghasilkan penulisan sejarah yang lebih seimbang. Penelitian terhadap tema politik, pendidikan, ekonomi serta budaya menunjukkan bahawa historiografi wanita Melayu telah berkembang dalam pelbagai arah. Namun demikian, perkembangan tersebut turut memperlihatkan beberapa kecenderungan penulisan yang membentuk cara wanita direpresentasikan dalam sejarah. Oleh itu, bahagian seterusnya merumuskan perkembangan historiografi wanita Melayu secara keseluruhan dengan meneliti pola penulisan dan jurang kajian yang masih wujud.

### **Perkembangan Historiografi Wanita Melayu: Kecenderungan Penulisan dan Jurang Kajian**

Penelitian terhadap perkembangan kajian mengenai wanita Melayu sebelum kemerdekaan menunjukkan bahawa bidang ini telah berkembang dengan ketara sejak tahun 1980-an. Kajian-kajian awal lebih tertumpu kepada usaha memperkenalkan tokoh wanita yang kurang dikenali dalam sejarah Malaysia, manakala penyelidikan yang lebih terkini mula memperluaskan skop kepada pendidikan, ekonomi, media, budaya dan kehidupan sosial wanita. Perkembangan ini memperlihatkan peningkatan kesedaran dalam kalangan sarjana terhadap kepentingan mengangkat pengalaman wanita sebagai sebahagian daripada sejarah negara. Walaupun perkembangan tersebut memberikan sumbangan yang besar kepada historiografi wanita Melayu, penelitian terhadap kajian-kajian terdahulu menunjukkan beberapa kecenderungan yang masih berulang. Pertama, sebahagian besar penyelidikan memberi tumpuan kepada tokoh wanita yang mempunyai kedudukan penting dalam politik, pendidikan atau organisasi tertentu. Tokoh seperti Shamsiah Fakeh, Ibu Zain, Khatijah Sidek dan Aishah Ghani sering menjadi fokus utama kajian, manakala pengalaman wanita daripada kelompok masyarakat biasa kurang diberi perhatian. Keadaan ini menyebabkan gambaran tentang wanita Melayu sebelum kemerdekaan lebih banyak dibentuk berdasarkan pengalaman segelintir individu yang mempunyai kedudukan dalam masyarakat.

Kedua, kebanyakan kajian masih bergantung kepada sumber bertulis seperti rekod kolonial, laporan rasmi, memoir dan bahan yang diterbitkan oleh institusi tertentu. Walaupun sumber-sumber tersebut penting dalam penyelidikan sejarah, pergantungan yang tinggi terhadap dokumen rasmi menyebabkan pengalaman wanita yang tidak direkodkan dalam sumber tersebut sukar diketengahkan. Akibatnya, penulisan sejarah lebih banyak menggambarkan wanita yang mempunyai hubungan dengan institusi politik, pentadbiran atau pendidikan, sedangkan pengalaman wanita di peringkat komuniti masih kurang didokumentasikan.

Ketiga, terdapat kecenderungan untuk menilai wanita mengikut bidang tertentu seperti politik, pendidikan atau ekonomi secara berasingan. Pendekatan ini membantu menjelaskan sumbangan wanita dalam setiap bidang, namun pada masa yang sama menyebabkan pengalaman mereka dilihat secara terpisah. Hakikatnya, kehidupan wanita sebelum kemerdekaan melibatkan pelbagai peranan yang saling berkaitan sebagai ahli keluarga, pekerja, pendidik, ahli masyarakat dan penyokong kepada pembangunan komuniti. Oleh itu, penilaian yang lebih menyeluruh diperlukan bagi memahami pengalaman wanita secara lebih seimbang. Selain itu, sorotan terhadap kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa kebanyakan penyelidikan masih bersifat deskriptif. Ramai sarjana berjaya menjelaskan sumbangan wanita dalam bidang masing-masing, tetapi kurang memberikan perhatian kepada bagaimana penulisan sejarah itu sendiri dibentuk. Perbandingan antara hujah sarjana, kecenderungan penggunaan sumber serta perubahan pendekatan historiografi masih belum dibincangkan secara mendalam. Kekurangan ini menyebabkan perkembangan historiografi wanita Melayu belum dapat difahami secara menyeluruh.

Berdasarkan penelitian terhadap keseluruhan kajian, dapat dirumuskan bahawa perkembangan historiografi wanita Melayu tidak lagi memerlukan pertambahan bilangan kajian semata-mata, tetapi memerlukan perubahan terhadap pendekatan penyelidikan, penggunaan sumber dan bentuk analisis yang digunakan oleh para sarjana. Penulisan sejarah wanita Melayu perlu bergerak daripada pendekatan yang menumpukan kepada tokoh tertentu kepada pendekatan yang memberikan perhatian kepada pengalaman wanita daripada pelbagai lapisan masyarakat. Rumusan ini menjadi asas kepada dapatan analisis yang dibincangkan dalam bahagian seterusnya, khususnya berkaitan pola utama historiografi wanita Melayu pra-kemerdekaan.

## **DAPATAN ANALISIS HISTORIOGRAFI**

Analisis terhadap penulisan ilmiah mengenai wanita Melayu pra-kemerdekaan menunjukkan bahawa perkembangan historiografi wanita di Malaysia telah mengalami perubahan yang ketara sejak beberapa dekad yang lalu. Walaupun bilangan penyelidikan semakin meningkat dan skop kajian menjadi lebih pelbagai, corak penulisan sejarah masih memperlihatkan beberapa kecenderungan yang berulang. Kecenderungan tersebut bukan sahaja mempengaruhi cara wanita digambarkan dalam sejarah, malah menentukan siapakah yang dianggap penting untuk direkodkan dalam naratif sejarah negara. Berdasarkan analisis terhadap kajian-kajian terdahulu, empat pola utama telah dikenal pasti, iaitu (i) penumpuan kepada tokoh wanita daripada golongan elit, (ii) pengabaian pengalaman wanita daripada kelompok masyarakat biasa, (iii) pergantungan kepada sumber kolonial dalam pembinaan historiografi, dan (iv) perubahan corak penulisan historiografi wanita Melayu. Dapatan kajian ini disusun berdasarkan objektif penyelidikan yang telah ditetapkan. Analisis terhadap keseluruhan penulisan ilmiah menunjukkan bahawa perkembangan historiografi wanita Melayu pra-kemerdekaan dapat dijelaskan melalui beberapa pola utama yang memperlihatkan kecenderungan penulisan sejarah, bentuk representasi wanita serta penggunaan sumber dalam pembinaan naratif sejarah. Pola-pola ini dikenal pasti hasil daripada sintesis kritikal terhadap kajian-kajian terdahulu dan menjadi asas kepada perbincangan mengenai perkembangan historiografi wanita Melayu.

### **Penumpuan kepada Tokoh Wanita daripada Golongan Elit**

Analisis menunjukkan bahawa sebahagian besar penulisan sejarah wanita Melayu sebelum kemerdekaan memberi tumpuan kepada tokoh-tokoh wanita yang mempunyai kedudukan penting dalam masyarakat. Golongan ini terdiri daripada pemimpin politik, guru, penulis, wartawan, aktivis nasionalisme serta wanita yang mempunyai hubungan dengan institusi pemerintahan atau organisasi politik. Tokoh seperti Shamsiah Fakeh, Ibu Zain, Khatijah Sidek dan Aishah Ghani sering muncul sebagai fokus utama dalam kebanyakan penyelidikan. Penumpuan terhadap tokoh-tokoh tersebut sememangnya memberikan sumbangan penting kepada perkembangan historiografi wanita Melayu kerana berjaya memperlihatkan bahawa wanita turut memainkan peranan dalam perjuangan kemerdekaan, pendidikan dan pembangunan masyarakat. Walau bagaimanapun, kecenderungan ini secara tidak langsung membentuk persepsi bahawa pengalaman wanita Melayu sebelum kemerdekaan hanya diwakili oleh kelompok tertentu yang mempunyai kedudukan dalam masyarakat.

Berdasarkan perspektif historiografi, keadaan ini berlaku kerana tokoh-tokoh tersebut lebih mudah dijejaki melalui memoir, rekod organisasi, dokumen kerajaan, akhbar dan bahan arkib yang masih tersedia. Sebaliknya, wanita daripada kelompok masyarakat biasa jarang meninggalkan sumber bertulis yang membolehkan pengalaman mereka direkodkan secara sistematik. Akibatnya, sejarah wanita lebih banyak dibina berdasarkan pengalaman golongan yang mempunyai akses kepada pendidikan, organisasi dan pentadbiran. Keadaan ini menunjukkan bahawa historiografi wanita Melayu masih dipengaruhi oleh

kecenderungan memilih tokoh yang mempunyai kedudukan tinggi sebagai wakil kepada keseluruhan pengalaman wanita. Walaupun pendekatan tersebut membantu memperkenalkan tokoh-tokoh penting dalam sejarah negara, ia belum mampu memberikan gambaran yang menyeluruh tentang kehidupan wanita Melayu sebelum kemerdekaan.

### **Pengabaian Pengalaman Wanita daripada Kelompok Masyarakat Biasa**

Selain memberi tumpuan kepada golongan elit, analisis turut menunjukkan bahawa pengalaman wanita daripada kelompok masyarakat biasa masih kurang mendapat perhatian dalam penulisan sejarah. Golongan seperti petani, penoreh getah, nelayan, peniaga kecil, bidan, penenun, guru kampung, pengusaha kraftangan dan suri rumah jarang menjadi fokus utama kajian walaupun mereka memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat Melayu. Pengabaian ini bukan bermaksud golongan tersebut tidak menyumbang kepada pembangunan masyarakat, tetapi lebih berkait rapat dengan corak penulisan sejarah yang banyak bergantung kepada dokumen rasmi. Kebanyakan rekod pentadbiran kolonial lebih menumpukan kepada aspek politik, ekonomi dan pentadbiran, manakala pengalaman harian masyarakat biasa kurang direkodkan secara terperinci.

Akibatnya, sumbangan wanita dalam kegiatan ekonomi keluarga, pendidikan anak-anak, kebajikan komuniti dan pembangunan sosial sukar dikesan melalui sumber sejarah yang lazim digunakan oleh penyelidik. Analisis juga menunjukkan bahawa kebanyakan kajian terdahulu lebih banyak menggunakan pengalaman wanita biasa sebagai contoh bagi menyokong hujah mengenai dasar pendidikan, ekonomi atau perubahan sosial. Namun demikian, wanita daripada kelompok ini jarang dikaji sebagai subjek utama penyelidikan. Keadaan ini menyebabkan pengalaman mereka hanya muncul secara tidak langsung dalam penulisan sejarah. Daripada sudut historiografi, keadaan tersebut menghasilkan gambaran sejarah yang tidak seimbang kerana hanya sebahagian kecil pengalaman wanita berjaya direkodkan. Justeru, sejarah wanita Melayu sebelum kemerdekaan masih memerlukan penelitian yang lebih menyeluruh dengan memanfaatkan sumber alternatif seperti manuskrip tempatan, surat-menyurat, memoir keluarga, sejarah lisan dan koleksi persendirian bagi memperluaskan pemahaman terhadap kehidupan wanita daripada pelbagai lapisan masyarakat.

### **Pergantungan kepada Sumber Kolonial dalam Penulisan Sejarah**

Satu lagi pola yang jelas dikenal pasti ialah pergantungan yang tinggi terhadap sumber kolonial dalam penulisan sejarah wanita Melayu. Sebahagian besar kajian menggunakan laporan pentadbiran British, rekod kerajaan, laporan pendidikan, bancian penduduk, akhbar kolonial dan dokumen rasmi sebagai sumber utama bagi menjelaskan kedudukan wanita sebelum kemerdekaan. Penggunaan sumber tersebut sememangnya penting kerana menyediakan maklumat yang sistematik mengenai keadaan sosial dan pentadbiran pada zaman kolonial. Walau bagaimanapun, sumber kolonial dibina berdasarkan kepentingan pentadbiran British dan bukannya untuk mendokumentasikan pengalaman wanita Melayu secara menyeluruh. Oleh sebab itu, maklumat mengenai wanita lazimnya hanya direkodkan apabila berkaitan dengan dasar pendidikan, kesihatan, tenaga buruh atau pentadbiran kolonial. Keadaan ini menyebabkan pengalaman wanita yang tidak mempunyai hubungan langsung dengan pentadbiran kolonial kurang direkodkan. Peranan mereka dalam institusi keluarga, ekonomi tempatan, kegiatan keagamaan dan kehidupan komuniti lebih banyak dipelihara melalui manuskrip Melayu, akhbar tempatan, majalah, memoir serta tradisi lisan yang kurang dimanfaatkan dalam penyelidikan sejarah. Daripada perspektif historiografi, pergantungan terhadap sumber kolonial telah membentuk cara wanita Melayu direpresentasikan dalam penulisan sejarah. Gambaran yang terhasil lebih banyak dipengaruhi oleh sudut pandang pentadbiran kolonial berbanding pengalaman sebenar masyarakat Melayu. Oleh itu, usaha memperbanyakkan

penggunaan sumber tempatan amat penting bagi menghasilkan historiografi wanita yang lebih seimbang dan mencerminkan realiti masyarakat Melayu sebelum kemerdekaan.

### **Perubahan Corak Historiografi Wanita Melayu**

Bagi melengkapkan analisis terhadap perkembangan historiografi wanita Melayu pra-kemerdekaan, kajian ini turut mengenal pasti perubahan corak penulisan yang berlaku dalam penyelidikan mengenai wanita Melayu. Analisis menunjukkan bahawa perkembangan historiografi bukan sahaja dapat dilihat melalui pertambahan jumlah kajian, tetapi juga melalui perubahan tema penyelidikan, pendekatan analisis serta penggunaan sumber sejarah. Perubahan ini memperlihatkan usaha para sarjana untuk memperluaskan ruang perbincangan mengenai wanita Melayu dalam penulisan sejarah. Kajian-kajian awal mengenai wanita Melayu lebih banyak memberi perhatian kepada tokoh wanita yang terlibat dalam politik dan gerakan nasionalisme. Fokus tersebut bertujuan memperkenalkan sumbangan wanita yang sebelum ini kurang diberikan tempat dalam penulisan sejarah arus perdana. Namun demikian, perkembangan penyelidikan selepas itu memperlihatkan perubahan apabila kajian mula merangkumi bidang pendidikan, ekonomi, budaya, media, kesusasteraan dan kehidupan sosial wanita. Perubahan ini menunjukkan bahawa sejarah wanita tidak lagi ditafsirkan hanya melalui penglibatan politik, tetapi turut dinilai berdasarkan sumbangan mereka dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat.

Selain perubahan tema, historiografi wanita Melayu turut memperlihatkan perkembangan dari segi pendekatan penyelidikan. Kajian-kajian terdahulu lebih banyak bersifat biografi dan deskriptif dengan memberi tumpuan kepada pengalaman tokoh tertentu. Penyelidikan yang lebih terkini pula mula menggunakan pendekatan sejarah sosial, analisis media, kajian budaya dan analisis wacana bagi memahami kedudukan wanita dalam masyarakat Melayu. Walaupun pendekatan tersebut memperluaskan skop penyelidikan, sebahagian besar kajian masih belum memberikan perhatian yang mencukupi terhadap analisis historiografi yang menilai bagaimana sejarah wanita ditulis dan direpresentasikan oleh para sarjana. Perubahan turut dapat dilihat melalui penggunaan sumber sejarah. Pada peringkat awal, kebanyakan penyelidikan bergantung kepada laporan pentadbiran kolonial, rekod kerajaan dan memoir tokoh tertentu. Walaupun sumber-sumber tersebut mempunyai nilai sejarah yang tinggi, pergantungan yang berlebihan menyebabkan pengalaman wanita daripada kelompok masyarakat biasa sukar diketengahkan.

Kajian-kajian yang lebih baharu mula memanfaatkan manuskrip Melayu, majalah wanita, akhbar tempatan, surat-menyurat dan karya sastera sebagai sumber tambahan. Perkembangan ini memperlihatkan usaha para penyelidik untuk memperluaskan asas sumber dalam penulisan sejarah wanita Melayu. Walaupun perkembangan tersebut menunjukkan kemajuan dalam penyelidikan, analisis kajian ini mendapati bahawa perubahan yang berlaku masih lebih tertumpu kepada kepelbagaian tema berbanding perubahan terhadap pendekatan historiografi. Sebahagian besar kajian masih mengekalkan kecenderungan memberi perhatian kepada tokoh tertentu serta bergantung kepada sumber rasmi dalam menjelaskan pengalaman wanita Melayu. Keadaan ini menunjukkan bahawa perkembangan historiografi wanita Melayu masih berada pada fasa memperluaskan skop penyelidikan, tetapi belum sepenuhnya mengubah corak representasi wanita dalam penulisan sejarah.

Daripada perspektif historiografi, dapatan ini menunjukkan bahawa perkembangan penyelidikan mengenai wanita Melayu perlu disertai dengan perubahan terhadap pendekatan penulisan sejarah. Penyelidikan pada masa hadapan perlu memberikan perhatian yang lebih seimbang kepada pengalaman wanita daripada pelbagai lapisan masyarakat, di samping memanfaatkan sumber sejarah yang lebih pelbagai. Pendekatan sedemikian bukan sahaja dapat memperkayakan historiografi wanita Melayu, malah membantu

menghasilkan penulisan sejarah yang lebih menyeluruh serta mencerminkan kepelbagaian pengalaman wanita sebelum kemerdekaan.

## **PERBINCANGAN**

Analisis terhadap perkembangan penulisan ilmiah mengenai wanita Melayu pra-kemerdekaan menunjukkan bahawa perkembangan historiografi wanita Melayu memperlihatkan perubahan... perubahan terhadap cara wanita direpresentasikan dalam penulisan sejarah. Walaupun kajian mengenai wanita semakin berkembang sejak tahun 1980-an, penelitian terhadap karya-karya tersebut memperlihatkan bahawa corak penulisan masih dipengaruhi oleh pemilihan sumber, pendekatan penyelidikan dan kecenderungan penulis sejarah dalam menentukan siapakah yang dianggap penting untuk diketengahkan dalam naratif sejarah.

Keadaan ini menunjukkan bahawa historiografi wanita Melayu masih dipengaruhi oleh tradisi penulisan sejarah yang lebih mengutamakan tokoh yang mempunyai kedudukan dalam masyarakat. Tradisi tersebut berkembang kerana sumber-sumber rasmi seperti memoir, rekod kerajaan dan laporan pentadbiran lebih mudah diperoleh serta dianggap mempunyai nilai autoritatif dalam penyelidikan sejarah. Akibatnya, pengalaman wanita daripada kelompok masyarakat biasa kurang diberikan perhatian walaupun mereka turut memainkan peranan penting dalam pembangunan masyarakat. Hal ini memperlihatkan bahawa keterlihatan seseorang dalam historiografi lebih dipengaruhi oleh kewujudan sumber sejarah berbanding kepentingan sebenar sumbangan mereka kepada masyarakat.

Pergantungan yang tinggi terhadap sumber kolonial menunjukkan bahawa pembentukan historiografi wanita Melayu masih banyak dipengaruhi oleh tradisi penyelidikan yang meletakkan dokumen rasmi sebagai sumber utama. Walaupun sumber kolonial mempunyai nilai dokumentasi yang tinggi, sumber tersebut dibina berdasarkan keperluan pentadbiran British dan bukan untuk merekodkan keseluruhan pengalaman wanita Melayu. Oleh itu, wanita yang tidak mempunyai hubungan langsung dengan pentadbiran kolonial kurang direkodkan dalam sumber-sumber tersebut. Keadaan ini menjelaskan mengapa pengalaman wanita daripada masyarakat biasa masih kurang menonjol dalam penulisan sejarah sehingga hari ini. Perubahan tersebut memperlihatkan bahawa historiografi wanita Melayu telah bergerak daripada penumpuan kepada politik dan nasionalisme kepada tema yang lebih pelbagai seperti pendidikan, ekonomi, budaya dan media. Walau bagaimanapun, perubahan ini lebih ketara pada skop penyelidikan berbanding pendekatan historiografi yang digunakan. Kebanyakan kajian masih bergantung kepada sumber rasmi dan memberi perhatian kepada tokoh tertentu, menyebabkan representasi wanita daripada pelbagai lapisan masyarakat belum berkembang secara seimbang.

Daripada perspektif historiografi, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penulisan sejarah wanita Melayu perlu bergerak daripada pendekatan yang menumpukan kepada tokoh kepada pendekatan yang memberi perhatian kepada pengalaman masyarakat. Sejarah wanita tidak seharusnya dibina hanya melalui kisah individu yang terkenal, tetapi perlu mengambil kira pengalaman wanita daripada pelbagai lapisan masyarakat yang turut menyumbang kepada pembangunan ekonomi, pendidikan, keluarga dan komuniti. Pendekatan sedemikian akan menghasilkan gambaran sejarah yang lebih menyeluruh serta mengurangkan jurang representasi antara wanita daripada golongan elit dengan wanita daripada masyarakat biasa. Kajian ini juga menunjukkan bahawa usaha memperkukuh historiografi wanita Melayu memerlukan penggunaan sumber yang lebih pelbagai. Selain rekod kolonial dan dokumen rasmi, penyelidik perlu memberikan

perhatian kepada manuskrip Melayu, surat-menyurat persendirian, memoir, majalah wanita, akhbar Melayu, sejarah lisan dan koleksi keluarga.

Penggunaan sumber-sumber tersebut berpotensi memperlihatkan pengalaman wanita yang selama ini kurang direkodkan dalam penulisan sejarah arus perdana. Pendekatan ini bukan sahaja memperkayakan sumber sejarah, malah membolehkan pembinaan naratif yang lebih seimbang dan mencerminkan realiti kehidupan masyarakat Melayu sebelum kemerdekaan. Secara keseluruhannya, analisis ini menunjukkan bahawa cabaran utama historiografi wanita Melayu bukan lagi kekurangan kajian mengenai wanita, tetapi kecenderungan penulisan sejarah yang masih dipengaruhi oleh pemilihan sumber, pendekatan penyelidikan dan bentuk representasi yang terhad. Oleh itu, perkembangan historiografi wanita Melayu pada masa hadapan perlu memberi perhatian kepada kepelbagaian pengalaman wanita, penggunaan sumber yang lebih meluas serta pendekatan analisis yang mampu menghasilkan naratif sejarah yang lebih menyeluruh dan seimbang.

### **Jadual 1**

#### *Sintesis Dapatan Analisis Historiografi Wanita Melayu Pra-Kemerdekaan*

| Tema Analisis                                                   | Pemerhatian Hasil Analisis                                                                                                                   | Implikasi terhadap Historiografi                                                                                                                          |
|-----------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Penumpuan kepada tokoh wanita daripada golongan elit            | Sebahagian besar penulisan memberi tumpuan kepada tokoh politik, guru, penulis dan aktivis wanita yang mempunyai kedudukan dalam masyarakat. | Representasi Wanita lebih banyak dibentuk melalui pengalaman golongan elit, manakala pengalaman wanita daripada masyarakat biasa kurang diberi perhatian. |
| Pengabaian pengalaman wanita daripada kelompok masyarakat biasa | Kajian mengenai petani, peniaga kecil, bidan, penoreh getah, pengusaha kraf dan suri rumah masih sangat terhad.                              | Gambaran sejarah Wanita menjadi kurang menyeluruh kerana hanya sebahagian kecil pengalaman wanita direkodkan dalam penulisan sejarah.                     |
| Pergantungan kepada sumber kolonial                             | Penyelidikan banyak menggunakan laporan pentadbiran British, rekod kerajaan dan dokumen rasmi sebagai sumber utama.                          | Cara wanita digambarkan lebih dipengaruhi oleh perspektif pentadbiran kolonial berbanding pengalaman masyarakat tempatan.                                 |
| Perubahan corak penulisan historiografi                         | Kajian terkini mula membincangkan pendidikan, ekonomi, budaya dan media selain politik.                                                      | Berlaku perkembangan positif dalam tema kajian, namun pendekatan penulisan masih banyak menumpukan kepada tokoh tertentu dan sumber rasmi.                |

*Sumber: Penulis*

Berdasarkan Jadual 1 di atas menunjukkan bahawa perkembangan historiografi wanita Melayu sebelum kemerdekaan masih dipengaruhi oleh corak penulisan yang memberi keutamaan kepada tokoh tertentu, penggunaan sumber rasmi serta penumpuan kepada tema politik dan pendidikan. Walaupun kajian mengenai wanita semakin berkembang dari segi skop penyelidikan, analisis mendapati bahawa perubahan tersebut belum sepenuhnya mengubah cara wanita direpresentasikan dalam penulisan sejarah. Keadaan ini membuktikan bahawa cabaran utama historiografi wanita Melayu bukan lagi kekurangan kajian, tetapi bagaimana pengalaman wanita daripada pelbagai lapisan masyarakat dapat diintegrasikan secara lebih seimbang dalam pembinaan naratif sejarah negara.

Dapatan kajian ini mempunyai beberapa implikasi penting terhadap perkembangan historiografi di Malaysia. Pertama, kajian ini menunjukkan bahawa penulisan sejarah wanita tidak lagi boleh bergantung sepenuhnya kepada rekod rasmi dan sumber kolonial kerana kedua-dua sumber tersebut hanya menggambarkan sebahagian daripada pengalaman wanita Melayu sebelum kemerdekaan. Penggunaan manuskrip Melayu, surat-menyurat persendirian, memoir, akhbar Melayu dan sejarah lisan perlu diperkasakan bagi melengkapkan kekurangan tersebut. Kedua, kajian ini membuktikan bahawa perkembangan penyelidikan mengenai wanita Melayu tidak seharusnya diukur berdasarkan pertambahan jumlah kajian semata-mata, tetapi juga melalui perubahan pendekatan historiografi yang digunakan.

Penyelidikan masa hadapan perlu memberi perhatian kepada pengalaman wanita daripada pelbagai lapisan masyarakat agar naratif sejarah yang dihasilkan lebih seimbang dan mencerminkan realiti kehidupan masyarakat Melayu sebelum kemerdekaan. Ketiga, kajian ini menyumbang kepada perkembangan historiografi Malaysia dengan menyediakan satu sintesis kritikal terhadap penulisan ilmiah mengenai wanita Melayu pra-kemerdekaan. Sintesis ini dapat dijadikan asas kepada penyelidikan lanjutan yang menilai sumber sejarah secara lebih kritikal serta memperluaskan penggunaan sumber tempatan dalam penulisan sejarah wanita.

## **KESIMPULAN**

Kajian ini meneliti perkembangan penulisan ilmiah mengenai wanita Melayu pra-kemerdekaan melalui perspektif historiografi dengan memberi tumpuan kepada kecenderungan penulisan, bentuk representasi wanita dan corak pembinaan naratif sejarah. Berdasarkan analisis terhadap kajian-kajian terdahulu, didapati bahawa historiografi wanita Melayu telah berkembang dengan ketara sejak beberapa dekad yang lalu. Walaupun demikian, perkembangan tersebut masih memperlihatkan beberapa kecenderungan yang mempengaruhi cara wanita direpresentasikan dalam penulisan sejarah. Analisis menunjukkan bahawa penulisan sejarah wanita Melayu sebelum kemerdekaan masih memberi tumpuan kepada tokoh wanita daripada golongan elit yang mempunyai kedudukan dalam politik, pendidikan dan organisasi masyarakat. Sebaliknya, pengalaman wanita daripada kelompok masyarakat biasa seperti petani, peniaga kecil, guru kampung, bidan, penoreh getah dan pengusaha kraftangan masih kurang diberikan perhatian.

Keadaan ini menyebabkan gambaran tentang kehidupan wanita Melayu sebelum kemerdekaan belum dapat dipersembahkan secara menyeluruh. Kajian ini juga mendapati bahawa penggunaan sumber sejarah memainkan peranan penting dalam membentuk historiografi wanita Melayu. Pergantungan yang tinggi terhadap rekod pentadbiran kolonial dan dokumen rasmi telah mempengaruhi cara wanita digambarkan dalam penulisan sejarah. Walaupun sumber tersebut mempunyai nilai yang tinggi dari segi dokumentasi, penggunaannya secara dominan menyebabkan pengalaman wanita yang tidak direkodkan dalam dokumen rasmi kurang mendapat tempat dalam historiografi. Justeru, penggunaan sumber tempatan seperti

manuskrip Melayu, surat-menyurat, memoir, majalah, akhbar Melayu dan sejarah lisan perlu diperkasakan bagi menghasilkan penulisan sejarah yang lebih seimbang.

Daripada perspektif historiografi, kajian ini menunjukkan bahawa cabaran utama bukan lagi kekurangan penyelidikan mengenai wanita Melayu sebelum kemerdekaan, tetapi kecenderungan penulisan sejarah yang masih memberi keutamaan kepada kelompok tertentu serta bergantung kepada jenis sumber yang terhad. Oleh itu, penulisan sejarah wanita Melayu perlu bergerak daripada pendekatan yang menumpukan kepada tokoh terkenal kepada pendekatan yang memberi perhatian kepada kepelbagaian pengalaman wanita daripada pelbagai lapisan masyarakat. Pendekatan ini akan membolehkan sejarah wanita ditulis dengan lebih menyeluruh serta mencerminkan realiti kehidupan masyarakat Melayu sebelum kemerdekaan.

Dari segi sumbangan ilmu, kajian ini menyumbang kepada perkembangan historiografi Malaysia dengan menyediakan satu penilaian kritikal terhadap kecenderungan penulisan ilmiah mengenai wanita Melayu pra-kemerdekaan. Berbeza daripada kajian terdahulu yang lebih menumpukan kepada bidang tertentu seperti politik, pendidikan atau ekonomi, kajian ini menghimpunkan pelbagai penulisan dalam satu kerangka historiografi bagi mengenal pasti pola penulisan, bentuk representasi wanita dan jurang penyelidikan yang masih wujud. Pendekatan ini membolehkan perkembangan historiografi wanita Melayu dinilai secara lebih sistematik dan menyeluruh. Walaupun kajian ini berjaya mengenal pasti pola utama dalam historiografi wanita Melayu pra-kemerdekaan, terdapat beberapa keterbatasan yang perlu diakui.

Kajian ini hanya menumpukan kepada penulisan ilmiah yang diterbitkan dalam bentuk artikel jurnal, buku akademik dan tesis yang memenuhi kriteria pemilihan kajian. Oleh itu, analisis ini tidak merangkumi semua bentuk penerbitan seperti dokumen arkib yang belum diterbitkan, koleksi persendirian atau bahan sejarah lain yang berpotensi memperkayakan pemahaman tentang pengalaman wanita Melayu. Selain itu, kajian ini menggunakan pendekatan historiografi yang menilai perkembangan penulisan sejarah dan bukan analisis secara langsung terhadap sumber primer. Justeru, penyelidikan pada masa hadapan boleh memperluaskan skop kajian dengan memanfaatkan manuskrip Melayu, surat-menyurat, dokumen arkib dan sejarah lisan sebagai sumber utama bagi menghasilkan historiografi wanita Melayu yang lebih menyeluruh dan seimbang.

## **PENGHARGAAN**

Penulis ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada Editorial AHJMM, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, UUM dan mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan dan proses penerbitan makalah ini.

## **PENDANAAN**

Penyelidikan ini tidak mendapat geran khusus dari mana-mana agensi pembiayaan di sektor awam atau komersial.

## **PENDANAAN**

Penyelidikan ini tidak menerima sebarang geran khusus daripada mana-mana agensi pembiayaan dalam sektor awam, komersial, atau sektor tidak berasaskan keuntungan.

## SUMBANGAN PENGARANG

Kesemua bahagian dalam penulisan ini dihasilkan secara bersama oleh semua penulis makalah.

## PERISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis melaporkan bahawa tiada sebarang kepentingan bersaing yang perlu diisytiharkan.

## PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

## RUJUKAN

- Yinger, J. M. (1994). *Ethnicity: Source of strength? Source of conflict?* State University of New York Press.
- Abdullah, W. A. S. (2001). *Memoir Shamsiah Fakeh: Dari AWAS ke Rejimen ke-10*. SIRD.
- Aljunied, S. M. K. (2013). Against multiple hegemonies: Radical Malay women in colonial Malaya. *Journal of Social History*, 47(1), 153–175.
- Andaya, B. W. (2000). *Other pasts: Women, gender and history in early modern Southeast Asia*. University of Hawai'i Press.
- Cheah, B. K. (1993). Power behind the throne: The role of queens and court ladies in Malay history. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 66(1), 1–21.
- Chakrabarty, D. (2000). *Provincializing Europe: Postcolonial thought and historical difference*. Princeton University Press.
- Carr, E. H. (1961). *What is history?* Penguin Books.
- Fitrio, T. (2019). Women Malay entrepreneurship. *Economica*, 8(1), 78–82.
- Gopal, S. N., & Musa, M. (2022). Migration of Indian women to Malaya: Socio-economic status and sense of nationalism, 1900–1957. In P. Karupiah & J. L. Fernandez (Eds.), *A kaleidoscope of Malaysian Indian women's lived experiences*
- Hamdan, R. (2020). Winning the hearts of the Malays: The perspective of the author of Syair Tuan Hampris towards the colonialists. *International Journal of Creative Industries*, 2(5), 01–15.
- Hamed, S. (2002). *Women's magazines in Malaysia*. Pelanduk Publications
- Hasan, H. (1985). Isu-isu wanita dalam manuskrip Melayu abad ke-15 hingga abad ke-18. *Jurnal Perspektif*, 6(1), 36–48. Hasnah Husiin. 1996/1997. "Bulan Melayu 1930-1938", dalam *Tesis Sarjana Muda*. Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.
- Hirschman, C. (2016). Gender, the status of women, and family structure in Malaysia. *Malaysian Journal of Economic Studies*, 53(1), 33–50.
- Husiin, H. (1996/1997). *Bulan Melayu 1930–1938* (Tesis Sarjana Muda). Universiti Malaya.
- Husiin, H. (2009). *Guru-guru Melayu: Peranan dan perjuangan pada zaman penjajahan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hirschman, C. (2016). Gender, the status of women, and family structure in Malaysia. *Malaysian Journal of Economic Studies*, 53(1), 33–50.

- Husiin, H. (2011). Isu pendidikan wanita Melayu dalam akhbar dan majalah Melayu, 1920-an hingga 1940-an. *Jurnal Jabatan Sejarah*, 19, 135–152.
- Idris, Muhammad Ridzuan (2016) *Perkembangan pendidikan wanita Melayu di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1896-1941 / Muhammad Ridzuan Idris*. Doctoral thesis, Universiti Malaya.
- Latif, S. F. A., Musa, M., & Khairuddin, M. A. (2024). The development of women's education under local organizations in Kelantan, 1932–1957. In M. Arifin & A. Rahman (Eds.), *Islamic finance* (pp. 431–441). Springer.
- Lajiman Janoory (2021). *Malay Women in Colonial Texts*, Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak.
- Manderson, L. (1980). Women, politics, and change: The Malay case. *Signs: Journal of Women in Culture and Society*, 6(2), 210–228.
- Mohamad, M. (2018). Reviewing Malaysian women's history of political underrepresentation. *Southeast Asian Studies*, 7(3), 367–386.
- Musa, M. (2008). Official state records: A minefield for studying pre-1957 Malay women. *SARI: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, 26, 171–188.
- Nazirah Lee (2024), *Wanita Melayu dalam sejarah perjuangan kemerdekaan*, Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 09 Ogos 2024,
- Nor, A. M. (2020). The transition of Malay women's role and contribution in the early 20th century. *Journal of Al-Tamaddun*, 15(1), 67–84.
- Othman, N. (1995). Feminism and the women's movement in Malaysia: An historical and political analysis. In A. Ong & M. G. Peletz (Eds.), *Women in Southeast Asia: Political, social and historical perspectives* (pp. 50–74). Institute of Southeast Asian Studies (ISEAS).
- Reid, A. (1988). *Southeast Asia in the Age of Commerce, 1450–1680* (Vol. 1). Yale University Press.
- Saidun, S. (2021). The underrepresentation and the disinterest of Malay women in nursing in the early post-colonial Malaysia (1957–1977): A cultural perspective. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 14(2), 181–200.
- Syed Hamid, S. S. H. (2019). *The role of education in the rise of nationalism among Malay women (1900–1957)* (Master's thesis). International Islamic University Malaysia, Kuala Lumpur.
- Tan, S. M., & Teh, C. S. (2014). Whose story? A systemic functional perspective on *Mariah*. *Procedia – Social and Behavioral Sciences*, 134, 23–28.
- Ungku Maimunah, M. T. (1986). Women fiction writers and images of women in modern Malay literature. *Journal of Social Issues in Southeast Asia*, 1(2), 155–171. Zakuan, U. A. A. (2013). Women in politics in Malaysia: A brief history. *International Journal of Islamic Thoughts*, 2(1), 41–50.